SINAR HARIAN

19 AUGUST 2016

NIAT MURNI JAGA IBU TIDAK KESAMPAIAN



# Niat murni jaga ibu tak kesampaian

## Tukang masak Klana Resort Seremban maut selepas digilis sebuah treler ketika melintas jalan untuk pulang ke rumah

■ SYAMILAH ZULKIFLI



YAZID

SEREMBAN - Sebelum ini, dia pernah menyatakan hasrat mahu balik ke kampung halaman untuk menjaga ibunya. Namun, impiannya itu tidak kesampaian apabila dia maut dalam kemalangan tragis di Jalan Dato' Muda Linggi, berhadapan Pasar Raya Center Point di sini, kelmarin.

Mohd Yusof Ismail, 47, yang bekerja sebagai tukang masak di Klana Resort Seremban, di sini, meninggal dunia akibat digilis treler ketika melintas jalan untuk pulang ke rumahnya tidak jauh dari lokasi kemalangan, dalam kejadian kira-kira 6.30 petang.

Menurut abang mangsa, Mohd Rodi, 50, kejadian itu mengejutkan mereka sekeluarga kerana Allahyarham sebelum itu kerap memberitahu tidak sabar untuk pulang ke kampung di Batu Kurau, Perak bagi

nanti dia nak terus duduk kampung. Tak nak balik Seremban lagi sebab nak jaga mak. Semua orang dia beritahu benda sama termasuk saudara mara dan kawan-kawan dia.

"Sedihnya, nawaitu arwah tak kesampaian. Dia pergi tinggalkan kami semua sebelum sempat tunaikan hasratnya itu," katanya.

Menurutnya, Allahyarham juga pernah meluahkan hasratnya kepada saudara mara untuk membawa ibunya ke Makkah, bagaimanapun semuanya tidak sempat dilaksanakan.

Mohd Rodi berkata, kali terakhir mereka sekeluarga bertemu dengan Allahyarham selepas Aidilfitri lalu ketika dia bercuti selama seminggu di kampung.

"Walaupun arwah duduk jauh, tapi hubungan kami rapat dan dia seorang yang sangat disenangi. Malah,



Mayat mangsa dihantar ke Hospital Tuanku Ja'afar untuk tindakan lanjut. Gambar kecil: Allahyarham Mohd Yusof

"Arwah anak kelima dari tujuh beradik dan sudah lama berhijrah ke Seremban. Mungkin sebab itu dia rancang nak terus berhenti kerja jaga emak di kampung. Tapi betullah kita hanya merancang, ALLAH yang menentukan. Apa ...

hotel kami lebih dari 10 tahun.

"Berita kehilangan arwah sangat mengejutkan kami semua dan sudah tentu kehilangannya pasti amat dirasai," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

...

bahagian kepala dan meninggal dunia di tempat kejadian," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Difahamkan, jenazah Allah-